

Disediakan untuk: \_\_\_\_\_

Tarikh Cetakan : \_\_\_\_\_

### LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Insurans Liabiliti Produk. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am)

**Penyedia Khidmat Kewangan** : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Penanggung Insurans"/"Kami")  
**Nama Produk** : Insurans Liabiliti Produk

#### 1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Liabiliti Produk ialah liabiliti Pihak Diinsuranskan untuk membayar gantirugi ke atas kecederaan atau kerosakan harta benda yang dialami oleh pihak ketiga disebabkan oleh kecacatan produk yang dibekalkan, diagihkan atau yang dijual. Liabiliti disebabkan oleh kecacatan produk boleh timbul disebabkan oleh kecuanian didalam proses pengeluaran, rekaan, simpanan, bungkusan ataupun pemasaran termasuk informasi produk seperti memberi gambaran yang salah, kegagalan memberi amaran atau arahan penggunaan.

#### 2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Insurans Liabiliti Produk menyediakan indemniti terhadap pengeluar, pengagih atau pembekal produk terhadap apa-apa potensi dedahan liabiliti. Pencadang perlu menetapkan had indemniti bersesuaian yang setaraf dengan potensi dedahan liabiliti. Had kawasan yang dilindungi adalah bergantung kepada di mana produk itu dipasarkan atau diekspor.

Liabiliti Produk melindungi Pihak Diinsuranskan terhadap semua jumlah yang Pihak Diinsuranskan akan menanggung untuk membayar sebagai pampasan kerosakan ke atas kejadian yang berlaku di mana-mana di dalam had kawasan ke atas kecederaan atau kehilangan atau kerosakan harta benda berpunca dari tuntutan yang dibuat secara bertulis terhadap pihak diinsuranskan semasa tempoh polisi disebabkan oleh kemalangan selepas Tarikh Retroaktif.

Disamping kerosakan, Penanggung Insurans akan melindungi Pihak Diinsuranskan untuk jumlah yang Pihak Diinsuranskan perlu bayar sebagai Kos Undang-undang dan Lain-lain Perbelanjaan, asalkan perlindungan maksima untuk Kos Undang-Undang and Lain-lain Perbelanjaan tidak melebihi Had Indemniti.

Tempoh Perlindungan adalah setahun. Anda perlu mempebaharui polisi insurans anda setiap tahun.

#### 3. Berapakah premium yang perlu Pihak Diinsuranskan bayar?

Faktor-faktor utama di dalam pengiraan premium:-

- Jenis Produk
- Anggaran Jualan Tahunan
- Had Kawasan dan kuasa perundangan
- Had Limit dan Lebihan Pihak Diinsuranskan

Kadar untuk sesuatu produk bergantung kepada dedahan risiko yang boleh disabitkan. Sebagai contoh, Liabiliti Produk untuk barang elektrik adalah lebih tinggi daripada barang plastik.

#### 4. Apakah yuran dan caj yang perlu Pihak Diinsuranskan bayar?

Jenis	%/Amaun
• Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	• 15% daripada premium/RM XX
• Cukai Perkhidmatan	• 6% daripada premium
• Duti Setem	• RM10.00

#### 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan

#### Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4 (1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak

terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatkan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- Kepentingan pendedahan – Pihak diinsuranskan mesti menyatakan semua fakta sepenuhnya dan dengan jujur di dalam borang permohonan.
- Pertimbangan dalam pengunderitan  
Penanggung Insurans mengkehendaki borang permohonan yang telah dilengkapkan, ditandatangani dan bertarikh untuk penilaian dan perkadarannya
  - Jenis produk
  - Dedahan risiko
  - Skop geografi dan kuasa perundangan
    - Ekspot tidak langsung – Seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat dan Kanada
    - Ekspot Langsung – Seluruh dunia
  - Anggaran jualan tahunan berdasarkan produk dan negara pengimpor
  - Sejarah kerugian
  - Had Liabiliti
  - Pengurusan risiko
- Insurans ini adalah tertakluk kepada Waranti Premium 60 hari, iaitu premium perlu dibayar dan diterima Penanggung Insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh ianya bermula. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan polisi dibatalkan secara automatik dan Penanggung Insurans berhak ke atas premium pro-rata 60 hari.

#### **6. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak meliputi kerugian-kerugian tertentu seperti:

- Jaminan produk
- Panggilan balik produk
- Kecacatan dalam rekaan
- Kerosakan terhadap produk itu sendiri
- Denda, penalti, gantirugi kecairan, gantirugi punitif atau tuntutan teladan
- Kerugian kewangan tulen atau kerugian ekonomi

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian di bawah polisi ini.*

#### **7. Bolehkah Pihak Diinsuranskan membatalkan polisi?**

Pihak Diinsuranskan boleh membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis kepada Penanggung Insurans. Setelah pembatalan, Pihak Diinsuranskan layak menerima pulangan bayaran premium berdasarkan tempoh insurans belum tamat tertakluk kepada premium minimum Penanggung Insurans. Tiada pulangan bayaran premium sekiranya tuntutan telah dibuat dibawah polisi.

#### **8. Apakah yang perlu Pihak Diinsuranskan lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi?**

Adalah penting bagi Pihak Diinsuranskan memaklumkan kami terhadap sebarang perubahan di dalam perincian maklumat anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada Pihak Diinsuranskan tepat pada masanya.

#### **9. Di manakah boleh Pihak Diinsuranskan mendapat maklumat lanjut?**

Jika Pihak Diinsuranskan mempunyai memerlukan maklumat tambahan berkenaan Insurans Liabiliti Produk, Pihak Diinsuranskan boleh menghubungi kami atau mana-mana cawangan atau ejen atau lawati [www.allianz.com.my](http://www.allianz.com.my);

#### **Pusat Khidmat Pelanggan Allianz**

Allianz Arena  
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral  
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur.  
Pusat Panggilan Allianz: 1 300 22 5542  
Emel: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)  
  AllianzMalaysia  
 [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

**NOTA PENTING:**

ANDA MESTI PASTIKAN YANG LIABILITI ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG SEWAJARNYA. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN INSURANS ATAU MENGHUBUNGİ SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan di dalam lembaran pendedahan ini adalah sah seperti pada 01/09/2018.